

02/01/1997

TMT 97 buka jendela dunia

KUALA TERENGGANU, Rabu - Tahun Melawat Terengganu (TMT) 97 adalah satu falsafah ke arah mengembalikan `Tamadun Terengganu Baru' dengan membuka jendela ke seluruh dunia.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata falsafah itu berasaskan kepada kesedaran untuk mengubah fikiran rakyat supaya lebih terbuka dan persejagatan.

"Kita perlu membuat lompatan saujana jika mahu maju di dunia dan akhirat, rugilah mereka yang masih mahu bersaing dengan lawan di peringkat kampung, mukim atau daerah semata-mata," katanya.

Wan Mokhtar yakin banyak kejayaan boleh dicapai sekiranya halangan mental dapat dipecahkan.

Kekuatan yang ada perlu ditonjolkan seperti keutuhan nilai moral yang baik, kekuatan institusi keluarga, semangat kekitaan, semangat kejiranan dan gotong-royong, katanya dalam ucapan aluan pada majlis Pelancaran TMT 97 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, unsur utama yang juga perlu dihidupkan ialah keramahan, ketinggian budi pekerti, juadah makanan yang lazat, pakaian yang indah dan cantik serta loghat bahasa yang unik.

"Ini semua perlu dihidupkan dan menjadi unsur utama pelancongan di Terengganu. Pelancong asing datang ke Terengganu untuk melihat budaya dan cara hidup yang berbeza bukannya membeli belah semata-mata," katanya.

(END)